

28 JUL 1999

Fokus-Wanita

ZAHARAH GEMBLENG TENAGA WANITA HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

Oleh: ROHANA MUSTAFFA

PUTRAJAYA: Ketika memantau dan menilai perkembangan Pergerakan Wanita UMNO yang diterajuinya sepanjang tiga tahun lalu, Datuk Dr Siti Siti Zaharah Sulaiman tiba-tiba berdepan dengan tugas paling mencabar - memperkukuh barisan pergerakan bagi menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan bila-bila masa sekarang.

Seperti pada masa-masa lalu, Pergerakan itu mesti berusaha menentukan kemenangan mutlak UMNO dan Barisan Nasional, gabungan parti-parti yang kini memerintah dan mentadbir kerajaan.

Beliau perlu menggembelng tenaga untuk terus menarik pengundi wanita yang merupakan 54 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi negara.

Ini tanggungjawab yang cukup besar apalagi bila ada yang masih mempersoalkan perpaduan dan kesatuan anggota sayap wanita itu berjumlah hampir 1.5 juta itu kesan daripada pertukaran nakhoda pada 1996.

Ini ditambah pula dengan gawat politik akibat pemecatan Timbalan Perdana Menteri juga Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim September tahun lepas.

Kini sudah sepenggal Siti Zaharah memegang teraju setelah berlangsungnya perhimpunan Pergerakan Wanita UMNO 17 Jun lalu.

"Perpaduan Wanita tidak seharusnya dipersoalkan malah sepatutnya menjadi kebanggaan semua, kerana itulah matlamat saya sebaik mengambil alih pimpinan. Saya terus ke grassroot untuk memastikan tiada siapa yang tercicir dalam perancangan parti.

"Kami kini lebih tersusun dan tidak lari daripada matlamat dan perjuangan Umno," kata Siti Zaharah dalam temubual di sini.

"Kerana itu saya dapati mudah untuk menggerakkan jentera pergerakan dalam menghadapi pilihan raya".

Beliau berkata yang penting perlu ada komitmen dan keikhlasan pada semua dan beliau berbangga kerana anggota Wanita tidak susah untuk memberikan kedua-duanya ini bagi memudahkan mereka bekerja sebagai satu pasukan.

"..Bagi saya parti tidak boleh dibawa ke mana jika tiada yang mengikut dan bagaimana saya hendak menggerakkan parti kalau tiada perpaduan," katanya.

Pemecatan Anwar juga jelas tidak memberi kesan kepada Wanita seperti yang terbukti tiada anggotanya yang dikenakan tindakan dispilin oleh Majlis Tertinggi parti.

NAFI DIBAYANGI ANWAR

"Saya tidak nafikan pada awalnya ada segelintir yang bersimpati dengan beliau dan apa yang dilakukan oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

"Saya tangani perkara ini secara terus...atas dasar, setiap tindakan yang diambil haruslah berdasarkan fakta dan bukti. Kerana saya masih anggap tiada siapa yang tergelincir kecuali ada maklumat sebaliknya." katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu mengingatkan akan bahaya jika dalam kegawatan seumpama ini, tindakan diambil secara terburu-buru kerana sedikit sebanyak akan ada yang mengambil kesempatan, mencari kelemahan dan ksilapan seseorang.

Bagaimana pula cakap-cakap yang meragui pendirian beliau dan kononnya beliau masih dibayangi Anwar kerana sebelum pemecatan bekas timbalan perdana menteri itu, Siti Zaharah sering dikatakan "orang Anwar". Adakah

ini menjejaskan kepercayaan anggota dan orang ramai terhadapnya?

"Orang boleh membaca daripada gerak-geri kita. Kalau dah cakap teragak-agak, bila melangkah teragak-agak, tentunya orang tak percaya.

"Tetapi dari hari pertama selepas MT membuat keputusan, saya telah menyatakan pendirian saya dan membuktikannya dengan kerja saya.

"Kalau kaki saya sebelah berada di sana dan sebelah berada di sini, bagaimana saya boleh berjalan lancar menggerakkan jentera Wanita?" tanya beliau.

"Saya bukan di bawah bayangan sesiapa," Yang penting menurutnya, beliau tahu apa yang dilakukannya untuk Umno dan kesetiaan beliau adalah pada pemimpin parti, tunggak parti.

"Sebelum itu Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir juga yang meminta semua bekerjasama dan kita berikan kerjasama dengan taat kepada pemimpin dan parti.

"Wanita terima saya... dan bila saya turun ke padang masyarakat menerima saya, ternyata isu Anwar sudah ke belakang," katanya.

PERSIAPAN RAPI PILIHAN RAYA

Pilihan raya umum akan datang secara langsung membantu Wanita Umno untuk menjayakan program celik ITnya atau projek siber untuk wanita. Projek itu yang telah diperkenalkan di beberapa bahagian dan negeri, akan dijadikan rangkaian pelbagai maklumat untuk Wanita Umno terutama berkaitan isu semasa dan perkara yang boleh menangani khabar angin yang memburuk-burukkan kerajaan.

Buat permulaan segala maklumat disatukan dengan perkara mengenai pilihan raya, rangkaian jentera Wanita dan isu yang perlu diketahui untuk menangkis dakwah pembangkang.

Segala maklumat ini juga berguna bagi penceramah-penceramah terlatih yang dilantik Wanita untuk memberi penerangan kepada bakal pengundi. Mereka ini dipilih melalui program khas pergerakan itu baru-baru ini dan menjalani kursus khas memantapkan kemahiran mereka berucap dan pengetahuan mengenai pelbagai isu.

Wanita Umno juga telah bersedia dengan program Gerak Mesra yang bertujuan menyediakan anggota bagi pilihan raya ini, lebih daripada 1,600 anggota telah menghadiri kursus latihan awal selama tiga hari di 10 khemah di seluruh negara dan di peringkat negeri, beribu-ribu lagi digerakkan ke bahagian-bahagian dan cawangan Umno untuk menggalakkan perpaduan dan sokongan di kalangan masyarakat.

"Mereka akan menawan hati pengundi di kawasan bandar dan luar bandar," kata Siti Zaharah dan mereka akan melakukannya melalui pelbagai kegiatan masyarakat termasuk mendekati orang ramai di pasar-pasar malam.

Selain Gerak Mesra ada Gerak 10 (G10), wanita-wanita akan mendekati orang ramai di rumah-rumah, di pejabat-pejabat untuk merayu undi dan mengumpul maklumat mengenai mereka yang cenderung tidak mengundi BN selain membantu mendapatkan pengundi baru.

CALON WANITA BERKUALITI

Setelah bersedia dengan segala "persiapan perang", Wanita kini menunggu bakal calon yang akan tiba di kawasan masing-masing. Namun mereka punya harapan, seperti yang disuarakan oleh seorang anggota perwakilan pada perhimpunan agung pergerakan itu bulan lepas - Wanita mengharapkan calon yang boleh dibawa ke tengah ke tepi, bukan calon payung terjun, bukan hanya yang berkelayakan tetapi tiada pengalaman langsung dengan kerja parti dan khidmat masyarakat.

Siti Zaharah mengakui memang harapan Wanita begitu menggunung mengharapkan kelebihan dalam jumlah calon wanita, calon yang sesuai dengan citarasa mereka, calon yang menghargai pengorbanan mereka dan rakyat.

Bagi Wanita sendiri katanya, pergerakan itu menetapkan calonnya perlu mempunyai keupayaan untuk menggabungkan semua -- kualiti kepimpinan, berwibawa, berpelajaran atau tidak, mereka haruslah boleh turun ke bawah, bekerja dan menghargai kerja orang lain dan memahami kehendak masyarakat.

"Sebagai ketua, menjadi tanggungjawab saya untuk menyuarakan harapan Wanita itu tetapi dalam masa yang sama kita juga perlu memahami percaturan pucuk pimpinan, kerana banyak pihak yang perlu diambilkira, dan diberikan kepuasan serta faktor-faktor lain yang menentukan kemenangan.

"Wanita hanya mengharap pertimbangan yang wajar diberikan kerana faktor kelebihan dan peranan Wanita tidak boleh dipertikaikan lagi," katanya.

Bagaimanapun Siti Zaharah menjelaskan bahawa semua anggota Wanita telah diperingatkan supaya menerima keputusan parti dengan baik dan mereka tidak harus tawar hati untuk meneruskan kerjasama semata-mata kerana mereka merasakan hasrat mereka tidak dipenuhi.

"Kita harus jadikan pilihan raya ini proses yang selesa, untuk kebaikan rakyat dan negara," katanya,

Terpilih atau tidak, ramai atau sedikit calon Wanita, tidak akan menafikan bahawa pemimpin wanita yang berpotensi dan berkaliber kini semakin ramai.

Wanita mempunyai ramai anggota muda berusia dalam lingkungan 30an, berpendidikan tinggi, dari kalangan usahawan dan profesional selain yang berpengalaman dari bawah yang kini mahir dalam segala selok-belok kepimpinan.

Disebabkan itu imej Wanita kini semakin dipandang tinggi oleh masyarakat, mereka datang meminta bantuan pergerakan ini dalam pelbagai perkara dan ini satu penghargaan, katanya.

RAMAI ANGGOTA BERPOTENSI TERUS PERJUANGAN

Anggota-anggota berpotensi inilah yang akan menjadi tumpuan untuk meneruskan perjuangan pergerakan itu melalui penyediaan latihan, kemahiran dan sebagainya.

Selain lebih ramai diharapkan dilantik kerajaan menduduki kerusi pelbagai peringkat pembuat keputusan seperti exco negeri, ada cadangan bahawa antara cara paling mudah untuk menonjolkan mereka dalam masa terdekat ialah dengan membuka peluang mereka bertanding dalam MT. Ternyata kini barisan MT dikuasai kaum lelaki daripada calon Pemuda dan arus perdana.

Sedangkan Wanita sejak beberapa tahun ini dengan sendirinya menyekat kemunculan muka baru kerana secara terbuka memberikan restu kepada calon tertentu untuk bertanding dalam MT; menjadikan anggota lain "tidak berani" menawarkan diri melalui bahagian masing-masing.

Sedikit sebanyak keputusan itu diambil kesempatan oleh anggota parti di peringkat bahagian dan pemilihan pusat, memilih wanita dari kalangan yang ada kedudukan dalam kerajaan - menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen - untuk menduduki kerusi MT.

"Saya berfikiran terbuka. Jika ada yang merasa layak, mereka mendapat sokongan dan diterima ramai...teruskan hasrat itu," kata Siti Zaharah.

Lampu hijau ini pastinya akan membuka ruang yang lebih luas untuk bakal pemimpin wanita.

Walau apapun, kata Siti Zaharah, rata-rata anggotanya tidak taksub dengan jawatan dalam parti kerana sudah menjadi sifat semulajadi mereka untuk mendahulukan apa yang menjadi keutamaan parti. Keutamaan kini ialah memenangi pilihan raya umum.